JUZU' KE-28
SURAH
AL-MUMTAHANAH

SURAH KE

60

سُورَةُ الْمُمْتَحِنَةِ

SURAH AL-MUMTAHANAH

Surah Wanita Yang Diuji

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

13

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ
تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِمَا جَآءَكُم مِّنَ ٱلْحَقِّ
يُخْرِجُونَ ٱلرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ رَبِّكُمْ إِن كُنتُمْ
خَرَجْتُمْ جِهَٰدًا فِى سَبِيلِى وَٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِى تُسِرُّونَ إِلَيْهِم
بِٱلْمَوَدَّةِ وَأَنَا۠ أَعْلَمُ بِمَآ أَخْفَيْتُمْ وَمَآ أَعْلَنتُمْ وَمَن يَفْعَلْهُ
مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١﴾

إِن يَثْقَفُوكُمْ يَكُونُوا۟ لَكُمْ أَعْدَآءً وَيَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ
وَأَلْسِنَتَهُم بِٱلسُّوٓءِ وَوَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ ﴿٢﴾

لَن تَنفَعَكُمْ أَرْحَامُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَفْصِلُ
بَيْنَكُمْ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣﴾

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِىٓ إِبْرَٰهِيمَ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ
إِذْ قَالُوا۟ لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَءَٰٓؤُا۟ مِنكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِن
دُونِ ٱللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ٱلْعَدَٰوَةُ وَٱلْبَغْضَآءُ
أَبَدًا حَتَّىٰ تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَحْدَهُۥٓ إِلَّا قَوْلَ إِبْرَٰهِيمَ لِأَبِيهِ
لَأَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ وَمَآ أَمْلِكُ لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ رَّبَّنَا
عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٤﴾

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَٱغْفِرْ لَنَا رَبَّنَآ إِنَّكَ
أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٥﴾

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ
وَٱلْيَوْمَ ٱلْءَاخِرَ وَمَن يَتَوَلَّ فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْغَنِىُّ ٱلْحَمِيدُ ﴿٦﴾

عَسَى ٱللَّهُ أَن يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ ٱلَّذِينَ عَادَيْتُم مِّنْهُم مَّوَدَّةً
وَٱللَّهُ قَدِيرٌ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ
يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓا۟ إِلَيْهِمْ إِنَّ
ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ قَٰتَلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم
مِّن دِيَٰرِكُمْ وَظَٰهَرُوا۟ عَلَىٰٓ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوْهُمْ وَمَن
يَتَوَلَّهُمْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai sahabat-sahabat setia dan kamu campakkan kasih mesra kamu kepada mereka, sedangkan mereka tidak percaya kepada agama yang benar yang datang kepada kamu. Mereka telah mengusir Rasul dan kamu (dari Makkah) kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. Jika kamu benar-benar keluar kerana berjihad pada jalan-Ku dan kerana mencari keredhaan-Ku, (maka janganlah kamu berbuat demikian), iaitu kamu menyampaikan kasih mesra kamu kepada mereka secara rahsia, sedangkan Aku mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu. Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang benar(1). Jika mereka dapat menangkap kamu, mereka akan menjadi musuh-musuh kamu dan mereka akan menghulur tangan mereka (memukul dan membunuh kamu) dan menghulurkan lidah mereka (dengan kata- kata nista yang jahat), dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir(2). Tidak akan berguna kepada kamu kaum kerabat kamu dan tidak pula anak-anak kamu pada hari Qiamat, Allah akan memisahkan di antara kamu (pada hari itu), dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(3). Sesungguhnya terdapat contoh teladan yang baik untuk kamu pada Ibrahim dan mereka yang bersama dengannya ketika mereka berkata kepada kaum mereka: Sesungguhnya kami berlepas diri dari kamu dan dari sembahan- sembahan yang kamu sembah selain dari Allah. Kami kafir dengan agama kamu. Dan kini jelaslah wujud permusuhan dan

kebencian antara kami dan kamu untuk selama-lamanya sehingga kamu beriman kepada Allah Yang Tunggal, kecuali pada perkataan Ibrahim kepada ayahandanya: Sesungguhnya anakanda akan memohon keampunan untuk ayahanda, kerana anakanda tidak memiliki sebarang kuasa untuk mempertahankan ayahanda dari sesuatu 'azab dari Allah. Wahai Tuhan kami! Kepada-Mu kami berserah dan kepada-Mu kami bertaubat dan kepada-Mu tempat kembali(4). Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran penindasan bagi orang-orang kafir. Ampunkan kami, wahai Tuhan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(5). Sesungguhnya untuk kamu pada mereka terdapat contoh teladan yang baik kepada orang-orang yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat. Dan barang siapa yang berpaling, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji(6). Semoga Allah jalinkan hubungan kasih sayang di antara kamu dan orang-orang yang kamu musuhi dari golongan mereka. Dan Allah Maha Kuasa, dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (7). Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah sayangkan orang- orang yang berlaku adil(8). Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu bersahabat setia dengan orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusirkan kamu keluar dari kampung halaman kamu dan turut membantu untuk mengusir kamu. Dan barang siapa yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka merekalah orang-orang yang zalim."(9).

يا أيها الذين آمنوا إذا جاءكم المؤمنات مهاجرات
فامتحنوهن الله أعلم بإيمانهن فإن علمتموهن
مؤمنات فلا ترجعوهن إلى الكفار لا هن حل لهم ولا هم
يحلون لهن وآتوهم ما أنفقوا ولا جناح عليكم أن
تنكحوهن إذا آتيتموهن أجورهن ولا تمسكوا بعصم
الكوافر وسئلوا ما أنفقتم وليسئلوا ما أنفقوا ذلكم حكم
الله يحكم بينكم والله عليم حكيم ﴿١٠﴾
وإن فاتكم شيء من أزواجكم إلى الكفار فعاقبتم
فآتوا الذين ذهبت أزواجهم مثل ما أنفقوا واتقوا
الله الذي أنتم به مؤمنون ﴿١١﴾
يا أيها النبي إذا جاءك المؤمنات يبايعنك على أن لا
يشركن بالله شيئا ولا يسرقن ولا يزنين ولا يقتلن
أولادهن ولا يأتين ببهتان يفترينه بين أيديهن
وأرجلهن ولا يعصينك في معروف فبايعهن
واستغفر لهن الله إن الله غفور رحيم ﴿١٢﴾
يا أيها الذين آمنوا لا تتولوا قوما غضب الله عليهم
قد يئسوا من الآخرة كما يئس الكفار من أصحاب
القبور ﴿١٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila datang kepada kamu wanita-wanita Mu'min yang berhijrah (dari Makkah), maka ujilah mereka. Allah lebih mengetahui kebenaran keimanan mereka. Dan jika kamu mengetahui mereka beriman, maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada suami-suami mereka yang kafir, kerana mereka tidak halal kepada suami mereka dan suami mereka tidak halal kepada mereka.Dan bayarkanlah kepada suami mereka maskahwin yang telah mereka belanjakannya, dan tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu berkahwin dengan mereka jika kamu membayar kepada mereka maskahwin mereka. Dan janganlah kamu terus berpegang dengan tali perkahwinan dengan wanita-wanita yang kafir dan tuntutlah maskahwin yang telah kamu belanjakannya itu dan biarlah mereka tuntut maskahwin yang mereka telah belanjakannya, itulah hukum Allah yang Dia tetapkan di antara kamu, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(10). Dan jika seorang dari isteri-isteri kamu lari ke pihak orang-orang kafir kemudian kamu kalahkan mereka (dengan peperangan dan mendapat harta rampasan perang), maka hendaklah kamu bayar (dengan harta itu) kepada orang-orang (Islam) yang hilang (lari) isteri-isteri itu sebanyak maskahwin yang telah dibelanjakan kepada mereka. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu ber-iman kepada-Nya(11). Wahai Nabi! Jika wanita-wanita Mu'minat datang kepadamu untuk bermubaya'ah denganmu bahawa mereka tidak akan mempersekutukan Allah dengan sesuatu apa pun, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anak mereka dan tidak akan membuat dusta yang sengaja mereka ada-adakan di antara tangan dan kaki mereka, dan tidak akan melanggar perintahmu dalam perkara-perkara yang baik, maka hendaklah engkau bermubaya'ah dengan mereka dan pohonlah keampunan kepada mereka, sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang(12). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bersahabat setia dengan kaum yang telah dimurkai Allah. Sesungguhnya mereka telah berputus asa terhadap hari Akhirat sebagaimana orang-orang kafir yang berada di dalam kubur itu berputus asa."(13)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini merupakan situ siri dari siri-siri pendidikan keimanan, penyusunan peraturan sosial dan negara di dalam masyarakat Madinah iaitu satu siri dari siri-sirinya yang panjang, atau merupakan satu siri dari siri-siti sistem hidup Ilahi yang dipilih untuk kelompok Muslimin yang terpilih. Mereka telah ditugaskan Allah mengikut iradat-Nya untuk merealisasikan sistem itu dalam kehidupan manusia dalam bentuk amali di alam kenyataan, supaya ia tegak di bumi sebagai satu sistem yang mempunyai garis-garis, bentuk, batas-batas dan ciri keperibadian yang tersendiri yang kadang-kadang dapat dicapai manusia dan kadang-

kadang tidak dapat dicapai, tetapi walau bagaimanapun ia tetap selama-lamanya bergantung, kepada usaha-usaha perjuangan manusia untuk mencapaikannya dan tetap tersergam di hadapan mereka satu gambaran realiti yang telah pernah wujud dan direalisaskan pada suatu zaman yang lampau di bumi ini.

Semuanya ini - seperti telah kami tegaskan di awal juzu' ini - memerlukan kepada satu penyediaan dan persiapan yang panjang diatur secara bertahap-tahap dan berperingkat-peringkat. Segala peristiwa yang berlaku di dalam lingkungan kelompok Muslimin atau berkaitan dengan mereka merupakan bahan-bahan dari penyediaan dan persiapan itu, iaitu bahan-bahan yang telah diatur di dalam ilmu Allah yang menjadi asas bagi bahan yang lain, iaitu bahan pentafsiran, penerangan, ulasan dan bimbingannya.

Di dalam gelombang peristiwa-peristiwa itu dan di dalam arus kehidupan yang deras itu terlaksanalah proses pembinaan jiwa Mu'min yang terpilih untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di muka bumi ini. Di sana tidak ada pemencilan diri atau 'uzlah melainkan pemencilan dengan konsep keimanan yang baru, tanpa bercampuraduk dengan tampalan-tampalan yang asing darinya semasa pembentukan jiwa kelompok Muslimin itu. Malah didikan yang berterusan itu sentiasa menuju kepada matlamat mewujudkan konsep keimanan istimewa yang tersendiri dan terasing dengan hakikat dan sifatnya dari konsep-konsep keimanan lain yang wujud di seluruh alam pada masa itu umumnya dan di Semenanjung Tanah Arab khususnya. Adapun kelompok Muslimin yang ditanamkan dengan konsep keimanan istimewa di dalam jiwa mereka, maka mereka tidak sekali-kali terpisah dan terpencil dari realiti kehidupan dan dari gelombang peristiwa-peristiwa yang berlaku, malah mereka dileburkan dalam kancah peristiwa-peristiwa itu sehari demi sehari, sekali demi sekali, dan mereka dilebur dan dibentuk berulang-ulang kali dalam perkara yang sama dan kelakuan yang sama dan mereka terus dilebur di bawah berbagai-bagai faktor yang berkesan, kerana Allah yang telah menciptakan jiwa manusia itu tahu bahawa tidak semua jiwa itu menerima, menyambut seruan, menyesuai diri dan mantap dengan penyesuaian ini sejak sentuhan yang pertama. Allah tahu bahawa keladak-keladak zaman lampau, daya-daya tarikan tabi'at semulajadi, kelemahan-kelemahan manusia, suasana-suasana realiti dan pengaruh adat kebiasaan semuanya kadang-kadang menjadi penghalang-penghalang yang kuat yang mengalahkan faktor-faktor didikan dan bimbingan sekali demi sekali, kerana itu penghalang-penghalang itu perlu ditentang dengan peringatan dan amaran yang berulang-ulang dan dengan perleburan yang berkali-kali. Kerana itu peristiwa-peristiwa itu berlaku berturut-turut. Ia disusun dalam perencanaan Allah dan dijadikan pengajaran, peringatan dan bimbingan yang berulang-ulang sekali demi sekali.

Rasulullah s.a.w. dengan penuh kesedaran memetik dan memungut peristiwa-peristiwa dan kejadian itu pada setiap peluang yang diperolehinya dan menggunakannya dengan penuh bijaksana dalam usaha membina jiwa kaum Muslimin. Sementara wahyu dan ilham dari Allah membantu usaha-usaha beliau itu sehingga peristiwa-peristiwa itu benar-benar dapat membentuk kelompok Muslimin yang terpilih di bawah pandangan dan taufik Allah dan dengan pimpinan Rasulullah s.a.w.

******

Surah ini merupakan satu siri dari siri-siri persiapan yang panjang yang dituju bersama surah-surah yang lain seumpamanya untuk membangun alam Rabbani yang tulen dalam hati nurani manusia Muslim, iaitu sebuah alam yang paksinya ialah beriman kepada Allah Yang Tunggal. Dan seluruh orang Islam adalah diikat kepada paksi itu dengan tali hubungan yang amat kukuh yang tidak akan putus, iaitu tali hubungan yang memutuskan mereka dari segala perhubungan perkauman, pertalian kebangsaan, perhubungan dunia, perhubungan keluarga dan kaum kerabat dan digantikan dengan satu tali hubungan, iaitu tali hubungan iman kepada Allah dan berteduh di bawah panji-panji Allah dan berada dalam Hizbullah.

Alam yang hendak dibangunkan Islam itu ialah alam Rabbani, insani atau alam ketuhanan dan kemanusiaan. Ia disifatkan alam Rabbani kerana seluruh asas dan terasnya diambil dari bimbingan Allah dan hukum-Nya, dan kerana ia bertawajjuh kepada Allah dengan seluruh perasaan dan tindakan. Ia juga disifatkan alam insani kerana ia meliputi seluruh bangsa manusia dalam satu 'aqidah yang luas, di mana leburnya segala batas-batas bangsa, negara, bahasa, keturunan dan segala sesuatu yang membezakan di antara satu manusia dengan manusia yang lain. Inilah sebuah yang luhur yang layak dihayati oleh makhluk manusia yang mulia di sisi Allah dan yang wujud di dalam dirinya hembusan roh dari ciptaan Allah.

Untuk membangunkan alam ini, di sana terdapat berbagai-bagai halangan di dalam masyarakat Arab di masa itu dan masih terus terdapat di seluruh dunia sehingga hari ini, iaitu halangan-halangan dalam bentuk fanatik keturunan, fanatik keluarga, fanatik kaum, fanatik bangsa dan fanatik negara, di samping halangan-halangan dalam bentuk keinginan, hawa nafsu, perasaan-perasaan hati, sifat tamak haloba, cintakan harta untuk kepentingan diri sendiri, perasaan angkuh, penyelewengan-penyelewengan dan sebagainya dari berbagai-bagai perasaan hasad dengki dan dendam kesumat yang bersarang di dalam dada.

Islam terpaksa mengubati penyakit-penyakit itu semua di dalam kalangan kelompok Islam yang disediakan untuk merealisasikan sistem hidup Ilahi di bumi ini dalam bentuk amali di alam kenyataan. Gambaran yang termuat dalam surah ini merupakan satu siri dari siri-siri pengubatan dan rawatan yang amat panjang itu.

Setengah-setengah orang Muhajirin yang meninggalkan kampung halaman, harta benda dan sanak saudara kerana menyelamatkan 'aqidah mereka masih menaruh kasih sayang kepada anak-pinak, suami isteri dan sanak-saudara yang ditinggalkan mereka di Makkah. Walaupun mereka mengalami berbagai-bagai penindasan dari kaum Quraysy, namun mereka masih bercita-cita semoga terjalin kembali hubungan mesra di antara mereka dengan penduduk Makkah dan semoga berakhirnya permusuhan yang sengit ini yang memaksa mereka bertindak membunuh keluarga dan kaum kerabat sendiri dan memutuskan segala hubungan di antara mereka.

Iradat Allah berkehendak supaya jiwa kelompok Muslimin ini bersih dan bebas dari semua hubungan-hubungan itu. Ia mahukan jiwa mereka bulat dan ikhlas semata-mata untuk agama-Nya, untuk 'aqidah-Nya dan untuk sistem hidup Ilahi yang diciptakan-Nya. Allah memang mengetahui betapa beratnya tekanan keinginan-keinginan semulajadi, keladak-keladak kepercayaan dan sikap-sikap jahiliyah itu menekan jiwa mereka, terutama bagi orang-orang Arab yang mempunyai tabi'at yang begitu kuat berpegang kepada semangat fanatik suku, keluarga dan keturunan. Kerana itu Al-Qur'an mengasuh mereka perlahan-lahan sehari demi sehari merawat penyakit-penyakit itu dengan ubat yang mujarrab melalui peristiwa-peristiwa dan ulasan-ulasan terhadap peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, supaya pengubatan dan rawatan itu dilakukan di atas pentas peristiwa-peristiwa itu sendiri dan supaya ketukan-ketukan itu dapat dilakukan semasa besi masih panas.

Menurut riwayat-riwayat, di sana terdapat satu peristiwa khusus yang menyebabkan turunnya permulaan surah ini. Mungkin riwayat-riwayat ini benar, tetapi jangkauan nas-nas Al-Qur'an selalunya lebih jauh dari peristiwa-peristiwa secara langsung yang menyebabkan turunnya nas-nas itu.

Peristiwa itu telah diceritakan begini. Ada seorang bernama Hatib ibn Abu Balta'ah r.a. Dia seorang dari kaum Muhajirin, juga seorang ahli Peperangan Badar. Dia mempunyai anak-anak dan harta benda di Makkah. Dia bukannya dari kaum Quraysy itu sendiri, tetapi dia mempunyai hubungan perikatan setia dengan 'Uthman r.a. Apabila Rasulullah s.a.w. berazam untuk menakluk negeri Makkah kerana penduduknya telah melanggar syarat-syarat perjanjian Hudaybiyah, beliau memerintah kaum Muslimin supaya bersiap sedia untuk memerangi mereka dan berdo'a: اللهم عَمِّ عليهم خبرنا ("Ya Tuhanku lindungkan berita kami ini dari mereka"). Kemudian Rasulullah s.a.w. telah memberitahu tujuannya itu kepada sekumpulan sahabat-sahabatnya termasuk Hatib r.a. Tiba-tiba Hatib r.a. menulis sepucuk surat dan mengirimkannya melalui seorang perempuan dari kaum Musyrikin. Menurut satu cerita, perempuan itu adalah dari suku Muzaynah dan dia datang ke Madinah kerana meminta bantuan. Surat itu ditujukan kepada penduduk Makkah untuk memberitahu kepada mereka bahawa Rasulullah s.a.w. telah berazam untuk menyerang mereka. Hatib r.a. berbuat begitu dengan tujuan untuk berbudi dengan mereka. Lalu Allah dedahkan perbuatan itu kepada Rasulullah s.a.w. sebagai memperkenankan do'a beliau dan meneruskan perencanaannya untuk menakluk negeri Makkah. Lalu beliau mengirim orang-orangnya mengejar perempuan itu dan merampas surat itu darinya.

Al-Bukhari telah mengisahkan cerita ini dalam kitab al-Maghazi, sedangkan Muslim menceritakannya dalam Sahihnya dari hadith Hasin ibn Abdul Rahman dari Sa'd ibn, Ubaydah dan Abu Abdul Rahman as-Salami dan Ali r.'anhum katanya: 'Aku telah diutuskan oleh Rasulullah s.a.w. bersama Abu Marthad dan az-Zubayr ibn al-'Awam r.'anhum. Kami semua dari pasukan berkuda. Rasulullah s.a.w. bersabda, "Pergilah kamu hingga sampai ke Raudhah Khakh[1]. Di sana kamu akan dapati seorang perempuan dari kaum Musyrikin dan ada bersamanya sepucuk surat dari Hatib ibn Abu Balta'ah yang dikirim kepada kaum Musyrikin." Kami dapat menangkap perempuan itu sedang mengenderai unta kepunyaannya di tempat yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. Lalu kami bertanya: " Di mana surat?" Lalu dia jawab: "Aku tidak bawa apa-apa surat." Kami pun menerungkan untanya dan memeriksa, tetapi kami tidak dapati sebarang surat. Lalu kami berkata: "Rasulullah s.a.w. tidak pernah berbohong, awak mesti keluarkan surat itu, jika tidak kami akan menanggalkan pakaian awak." Apabila dia melihat kesungguhan kami dia pun mendapatkan tali pinggang bajunya dan mengeluarkan surat itu. Kami pun berlepas membawa surat itu kepada Rasulullah s.a.w. Lalu 'Umar r.a. pun berkata, "Wahai Rasulullah! Dia (Hatib) r.a. telah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan sekalian orang Mu'min. Serahkan sahaja kepada hamba memenggal lehernya." Rasulullah s.a.w. bertanya Hatib: "Apakah tujuan engkau berbuat begini?" Jawab Hatib: "Demi Allah, saya tidak mempunyai apa-apa tujuan melainkan untuk tetap beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Tujuan saya berbuat begitu supaya budi saya dikenang mereka dan saya harap dengan budi ini Allah melindungkan keluarga dan harta benda saya di sana, kerana tiada seorang pun dari sahabat-sahabat anda melainkan semuanya masing-masing ada anak buahnya, dan dengan perantaraan mereka Allah melindungkan keluarga dan harta benda mereka di sana." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, "Cakapnya memang benar. Oleh itu, janganlah lagi kamu berkata

---

[1] روضة خاخ

apa-apa melainkan kata-kata yang baik sahaja." 'Umar menyampuk lagi, "Dia telah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan sekalian orang Mu'min, serahkan sahaja kepada hamba memenggal lehernya." Jawab beliau, "Bukankah dia ahli Peperangan Badar?" Lalu 'Umar berkata, "Semoga Allah memberi kebaikan kepada ahli Peperangan Badar." Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda, "Buatlah apa yang kamu suka, sesungguhnya Syurga telah ditetapkan untuk kamu - atau (syak rawi) - sesungguhnya dosa-dosa kamu telah diampunkan Allah." Lalu kedua mata 'Umar r.a. digenangi air mata dan berkata, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Al-Bukhari telah menambah dalam kitab al-Maghazi: Lalu Allah menurunkan surah.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمۡ أَوۡلِيَآءَ تُلۡقُونَ إِلَيۡهِم بِٱلۡمَوَدَّةِ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai sahabat-sahabat setia dan kamu campakkan kasih mesra kamu kepada mereka."(1)

Berdiri sejenak di hadapan peristiwa ini dan apa yang berlaku di sekitarnya tidaklah mengeluarkan kita dari "ظلال القرآن" untuk mengambil contoh tarbiyah darinya dan peristiwa-peristiwa, bimbingan-bimbingan dan ulasan-ulasan Rasulullah selaku pemimpin dan pendidik agung.

Menurut riwayat yang lain orang-orang yang diutus untuk mendapatkan perempuan itu ialah Ali, az-Zubayr dan al-Miqdad r.'anhum.

Perkara yang mula-mula menarik perhatian kita dalam peristiwa ini ialah perbuatan Hatib r.a. seorang Muslim dari kaum Muhajirin. Dia adalah salah seorang dari sahabat-sahabat yang telah diberitahu oleh Rasulullah s.a.w. tentang rancangan beliau untuk menakluk Makkah. Kisah ini menggambarkan liku-liku jiwa manusia yang aneh dan bagaimana dia dipengaruhi oleh kelemahan-kelemahan semulajadi walau bagaimana kuat dan sempurna keimanannya. Kerana tiada yang dapat melindungkan seseorang dari terjerumus di sa'at-sa'at kelemahan ini melainkan Allah jua. Dialah sahaja yang dapat menyelamatkannya di sa'at-sa'at itu.

Kemudian satu lagi perkara yang menarik perhatian dalam kisah ini ialah keagungan peribadi Rasulullah s.a.w. yang tidak bertindak gopoh, malah dengan tenang bertanya Hatib: "Apakah tujuan engkau berbuat begitu?" Beliau bertanya dengan dada yang lapang dan dengan perasaan simpati terhadap detik-detik kelemahan yang tiba-tiba mempengaruhi jiwa seorang sahabatnya. Beliau faham bahawa apa yang dikatakan oleh Hatib r.a. itu adalah benar dan kerana itu beliau melarang sahabat-sahabat yang lain supaya jangan lagi mengeluarkan kata-kata yang tidak baik terhadap Hatib untuk menolong dia membetulkan kesilapannya. Beliau tidak sekali-kali memburu Hatib r.a. dan tidak pula membenarkan sahabat-sahabat yang lain memburunya. Sementara itu kita melihat pula betapa tegasnya dan seriusnya keimanan 'Umar r.a. apabila dia berkata, "Dia telah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya, serahkan sahaja kepada saya memenggalkan lehernya." Sayidina 'Umar r.a. hanya melihat kepada kesilapan itu sahaja, kerana itu dia marahkan Hatib. Tetapi Rasulullah s.a.w. melihat dari celah-celah kefahamannya yang luas yang meliputi segala liku-liku hakikat jiwa manusia. Beliau melihat dengan rasa simpati yang dicetuskan oleh kefahamannya yang meliputi keseluruhan hakikat jiwa itu. Beliau melihat dengan sikap seorang pendidik yang murah hati, pengasih, hati-hati dan menimbangkan segala suasana dan keadaan. Kemudian satu lagi yang menarik perhatian dalam kisah ini ialah kata-kata jawapan Hatib r.a. dalam detik-detik kelemahannya, tetapi kefahamannya terhadap taqdir-taqdir Allah dan sebab-sebab keduniaan adalah suatu kefahaman keimanan yang betul ketika ia berkata: "Tujuan saya berbuat begitu ialah supaya budi saya dikenang mereka. Dan saya harap dengan budi ini Allah melindungkan keluarga dan harta benda saya di sana." Di sini dia mengatakan Allah itulah yang memberi perlindungan-perlindungan sedangkan budi itu sendiri tidak berkuasa memberi perlindungan. Kemudian dia tekankan konsep ini di akhir kata-kata jawapannya, "Kerana tiada seorang pun dari sahabat-sahabat anda melainkan masing-masing ada anak buahnya, dan dengan perantaraan mereka Allah melindungkan keluarga dan harta benda mereka di sana." Allah itulah yang hadir dalam kefahamannya dan Allah itulah yang memberi perlindungan bukannya anak buah, sedangkan anak buah itu hanya alat yang digunakan Allah untuk memberi perlindungan kepada mereka sahaja.

Barangkali kerana kefahamannya yang benar dan tepat itulah menyebabkan Rasulullah s.a.w. bersabda, "Cakapnya memang benar, oleh itu janganlah kamu berkata apa-apa lagi melainkan kata-kata yang baik sahaja."

Akhir sekali yang menarik perhatian dalam kisah ini ialah kedudukan Hatib r.a. yang termasuk dalam golongan sahabat yang sedikit yang dimaklumkan Rasulullah s.a.w. tentang rancangan penaklukan itu. Dia tiba-tiba telah dipengaruhi detik-detik kelemahan manusia walaupun dia termasuk dalam golongan sahabat pilihan. Kemudian mujurlah taqdir Allah telah berlangsung menyelamatkan kaum Muslimin dari bahaya yang lahir dari detik-detik kelemahan Hatib r.a. itu. Seolah-olah tujuan peristiwa ini ialah untuk mendedahkannya sahaja dan untuk menunjuk cara menanganinya kemudian sahabat-sahabat yang lain yang tidak dipertaruhkan rahsia itu tidak dapat menyangkalkan apa yang telah berlaku dan tidak dapat mengeluarkan kata-kata kesat, "Nah lihatlah orang ini. Dia telah dipertaruhkan rahsia tetapi dia

telah khianatkannya, dan andainya kita yang dipertaruhkan rahsia tentulah kita tidak akan membocorkannya." Perkara yang seperti ini tidak berlaku. Ini menunjukkan betapa tinggi budi bahasa kaum Muslimin dengan pemimpin-pemimpin mereka dan betapa tawadhu'-nya mereka menilaikan diri mereka sendiri dan betapa ikhlasnya mereka mengambil pengajaran dari peristiwa yang berlaku kepada saudara-saudara mereka.

Peristiwa ini adalah satu riwayat yang mutawatir. Dan turunnya ayat-ayat itu kerana peristiwa ini merupakan salah satu dari riwayat-riwayat al-Bukhari dan kita tidak menafikan kesahihan riwayat ini, tetapi isi kandungan nas Al-Qur'an sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini - adalah menjangkau lebih jauh dari peristiwa ini. Ia mengolahkan satu keadaan jiwa yang lebih luas dari peristiwa Hatib r.a., menurut cara gaya Al-Qur'an.

Al-Qur'an membicarakan masalah hubungan keluarga yang dekat dan hubungan-hubungan perkauman yang kecil, di samping membicarakan betapa kuatnya jiwa manusia berpegang dengan adat kebiasaannya yang turun-temurun itu, dengan tujuan untuk mengeluarkan mereka dari daerah yang sempit dan setempat kepada daerah sejagat yang meliputi seluruh umat manusia.

Al-Qur'an mewujudkan di dalam jiwa kaum Muslimin ini satu gambaran yang baru, nilai yang baru, neraca-neraca pertimbangan yang baru dan pandangan yang baru terhadap alam, terhadap hidup dan terhadap manusia, di samping mewujudkan fungsi para Mu'minin di bumi dan matlamat kewujudan insan di alam ini.

Al-Qur'an seolah-olah mengumpulkan tunas-tunas muda Muslimin di bawah naungan Allah untuk mengajar mereka, untuk menunjukkan kepada mereka hakikat dan matlamat kewujudan mereka, untuk membuka mata mereka terhadap perseteruan-perseteruan, dendam kesumat dan tipu daya jahat yang melingkungi hidup mereka. Seterusnya untuk menyedarkan mereka bahawa mereka adalah pahlawan-pahlawan Allah dan Hizbullah, dan menyedarkan mereka bahawa Allah mahu melakukan sesuatu dengan perantaraan mereka dan mahu merealisasikan sesuatu taqdir melalui mereka, kerana itu mereka memakai dan membawa lencana-lencana Allah, dan mereka dikenali dengan lencana itu di kalangan antarabangsa seluruhnya di dunia dan di Akhirat. Kerana ini mereka harus bulat dan tulus ikhlas kepada Allah sahaja dan bergantung kepada naungan-Nya sahaja dengan membebaskan diri mereka dari segala hubungan yang lain sama ada di alam perasaan atau di alam tingkahlaku. Keseluruhan surah ini menuju ke arah ini hingga ayat-ayat mengenai undang-undang dan peraturan yang disebut pada akhir surah tentang layanan terhadap wanita-wanita Mu'minat yang berhijrah ke Madinah dan tentang mengadakan mubaya'ah dengan wanita-wanita yang telah memeluk agama Islam, juga undang-undang memisahkan wanita-wanita Mu'minat dari suami-suami mereka yang kafir, dan memisahkan orang-orang Mu'min dari isteri-isteri mereka yang kafir. Semua peraturan dan undang-undang itu adalah lahir dari arahan umum itu belaka.

Surah ini diakhiri sama seperti ia dimulai dengan larangan supaya kaum Muslimin jangan mengadakan mubaya'ah dengan musuh-musuh Allah yang telah dimurkainya sama ada mereka dari kaum Musyrikin atau kaum Yahudi supaya mereka benar-benar berbeza dan unik, juga supaya mereka benar-benar terpisah dari segala hubungan dan pertalian yang lain dari hubungan 'aqidah dan bukan pertalian iman.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 2)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ
تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِمَا جَآءَكُم مِّنَ ٱلْحَقِّ
يُخْرِجُونَ ٱلرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ رَبِّكُمْ إِن كُنتُمْ
خَرَجْتُمْ جِهَٰدًا فِى سَبِيلِى وَٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِى تُسِرُّونَ إِلَيْهِم
بِٱلْمَوَدَّةِ وَأَنَا۠ أَعْلَمُ بِمَآ أَخْفَيْتُمْ وَمَآ أَعْلَنتُمْ وَمَن يَفْعَلْهُ
مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١﴾
إِن يَثْقَفُوكُمْ يَكُونُوا۟ لَكُمْ أَعْدَآءً وَيَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ
وَأَلْسِنَتَهُم بِٱلسُّوٓءِ وَوَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ ﴿٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai sahabat-sahabat setia dan kamu campakkan kasih mesra kamu kepada mereka, sedangkan mereka tidak percaya kepada agama yang benar yang datang kepada kamu. Mereka telah mengusir Rasul dan kamu (dari Makkah) kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. Jika kamu benar-benar keluar kerana berjihad pada jalan-Ku dan kerana mencari keredhaan-Ku, (maka janganlah kamu, berbuat demikian), iaitu kamu menyampaikan kasih mesra kamu kepada mereka secara rahsia, sedangkan Aku mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu. Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang benar(1). Jika mereka dapat menangkap kamu, mereka akan menjadi musuh-musuh kamu dan mereka akan menghulur tangan mereka (memukul dan membunuh kamu) dan menghulurkan lidah mereka (dengan kata-kata nista yang jahat), dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir."(2)

Surah ini dimulai dengan seruan mesra, **"Wahai orang-orang yang beriman!"** Allah menyeru mereka dengan nama keimanan untuk menjelaskan hakikat-hakikat kedudukan mereka dan mengingatkan mereka terhadap tipudaya musuh

mereka dan seterusnya untuk menyedarkan mereka terhadap tugas-tugas yang terpikul di bahu mereka.

Dengan ungkapan penuh mesra Allah sifatkan musuh mereka sebagai musuh-Nya dan musuh-Nya sebagai musuh mereka:

لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ

"Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai sahabat-sahabat setia, dan kamu campakkan kasih mesra kamu kepada mereka."(1)

Allah menyedarkan kaum Mu'minin bahawa mereka dari Allah dan dikembalikan kepada Allah dan Allah memusuhi sesiapa sahaja yang memusuhi mereka. Merekalah pahlawan-pahlawan-Nya yang membawa lencana-Nya di bumi ini. Merekalah kesayangan-Nya dan kerana itu mereka tidak seharusnya memberi kasih mesra kepada musuh-musuh mereka dan musuh-musuh Allah.

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan kaum Muslimin terhadap perbuatan-perbuatan jenayah yang telah dilakukan musuh mereka terhadap diri mereka, agama mereka dan Rasul mereka dengan penuh kezaliman:

وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِمَا جَآءَكُم مِّنَ ٱلْحَقِّ يُخْرِجُونَ ٱلرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ
أَن تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ رَبِّكُمْ

"Sedangkan mereka tidak percaya kepada agama yang benar yang datang kepada kamu. Mereka telah mengusir Rasul dan kamu (dari Makkah) kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu."(1)

Apa lagi yang ada pada mereka untuk kamu mendapatkan kasih mesra mereka setelah mereka melakukan jenayah-jenayah yang zalim itu? Mereka ingkarkan agama yang benar. Mereka menghalau Rasul dan orang-orang Mu'min bukan kerana sesuatu kesalahan melainkan kerana mereka beriman kepada Allah Tuhan mereka. Al-Qur'an menggerakkan di dalam hati orang-orang Mu'min kenangan-kenangan yang berkaitan dengan 'aqidah mereka, sebab kerana 'aqidah mereka diperangi kaum Musyrikin bukannya kerana sesuatu sebab yang lain. Al-Qur'an menimbulkan pokok masalah yang melahirkan persengketaan, perseteruan dan peperangan di antara mereka dengan kaum Musyrikin, iaitu masalah 'aqidah dan agama yang benar yang diingkarkan mereka, dan kerana masalah 'aqidah dan keimanan Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin diusir keluar dari Makkah.

Apabila pokok masalah ini jelas dan ketara, maka Al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa di sana tiada lagi tempat untuk mengadakan hubungan-hubungan mesra di antara mereka dengan kaum Musyrikin jika mereka benar-benar keluar dari kampung halaman mereka dengan maksud mencari keredhaan Allah dan berjihad kerana Sabilullah.

إِن كُنتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَٰدًا فِى سَبِيلِى وَٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِى ۚ

"Jika kamu benar-benar keluar kerana berjihad pada jalan-Ku dan kerana mencari keredhaan-Ku."(1)

Tidak mungkin terkumpul dalam sebuah hati keinginan berhijrah untuk berjihad Fi-Sabilillah dan keinginan mengadakan hubungan mesra dengan kaum Musyrikin yang telah mengusirnya kerana ia beriman kepada Allah. Mereka tetap musuh Allah dan musuh Rasulullah s.a.w.

Kemudian Al-Qur'an secara halus mengingatkan mereka terhadap perasaan yang terpendam di hati mereka dan terhadap perbuatan-mereka menunjukkan kasih mesra secara rahsia kepada musuh-musuh mereka dan musuh-musuh Allah, kerana Allah mengetahui segala rahsia hati sama ada yang terpendam atau yang ternyata:

تُسِرُّونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَأَنَا۠ أَعْلَمُ بِمَآ أَخْفَيْتُمْ وَمَآ أَعْلَنتُمْ ۚ

"Kamu menyampaikan kasih mesra kamu kepada mereka secara rahsia, sedangkan Aku mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu."(1)

Kemudian Al-Qur'an memberi amaran yang menimbulkan ketakutan di dalam hati orang-orang Mu'min:

وَمَن يَفْعَلْهُ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١﴾

"Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang benar."(1)

Tiada suatu yang ditakuti seseorang Mu'min seperti ketakutannya kepada kesesatan dari jalan yang benar setelah dia mendapat hidayat dan sampai kepada matlamat keimanan.

Al-Qur'an memberi amaran dan peringatan ini kepada kaum Muslimin sebelum ia mendedahkan kepada mereka hakikat musuh mereka yang sentiasa menyimpan niat yang jahat terhadap mereka seperti yang terkandung dalam ayat lanjutan yang berikut:

إِن يَثْقَفُوكُمْ يَكُونُوا۟ لَكُمْ أَعْدَآءً وَيَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ
وَأَلْسِنَتَهُم بِٱلسُّوٓءِ وَوَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ ﴿٢﴾

"Jika mereka dapat menangkap kamu, mereka akan menjadi musuh-musuh kamu dan mereka akan menghulur tangan mereka (memukul dan membunuh kamu) dan menghulurkan lidah mereka (dengan kata-kata nista yang jahat), dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir."(2)

Sebaik-baik sahaja mereka mendapat peluang mengalahkan kaum Muslimin mereka akan bertindak sebagai musuh ketat terhadap mereka. Mereka akan melakukan segala macam penyeksaan terhadap

mereka dengan menggunakan tangan, lidah dan segala sarana yang lain.

Dan yang lebih dari itu semuanya ialah:

وَوَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ ٢

"Dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir."(2)

Kepada orang Mu'min cita-cita mereka ini adalah lebih dahsyat dari segala penindasan dan penyeksaan dengan tangan atau lidah. Orang yang bercita-cita supaya dia kehilangan perbendaharaan iman yang amat mahal dan kembali menjadi kafir adalah seorang musuhnya yang paling besar dari segala musuh yang menyeksakannya dengan tangan dan lidah.

Orang yang telah merasa kemanisan iman setelah bergelimang di dalam kekufuran, dan orang yang telah bersuluh dengan cahaya iman setelah meraba-raba di dalam kesesatan dan orang yang hidup dengan kehidupan seorang Mu'min, iaitu hidup dengan konsep hidup seorang Mu'min, dengan kefahaman seorang Mu'min, dengan pemikiran seorang Mu'min, dengan perasaan-perasaan seorang Mu'min, dengan kelurusan seorang Mu'min dan dengan ketenangan hati seorang Mu'min, akan merasa begitu benci dan jijik untuk kembali kepada kekufuran, sama dengan bencinya atau lebih lagi jika dia hendak dilontarkan ke dalam api. Hanya musuh Allah sahaja yang berangan-angan supaya orang yang Mu'min itu kembali ke dalam neraka kekufuran setelah dia berada di dalam syurga keimanan, dan supaya dia kembali ke alam kekufuran yang tandus dan kosong setelah dia berada di dalam alam keimanan yang mewah makmur.

Justeru itu Al-Qur'an secara beransur-ansur memberangsangkan hati para Mu'minin menentang musuh-musuhnya dan musuh mereka hingga sampai kemuncaknya dengan menjelaskan kepada para Mu'minin mengenai cita-cita mereka: **"Mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir."**

******

(Pentafsiran ayat 3)

Itulah pusingan pertama yang mengemukakan berbagai-bagai sentuhan, kemudian diikuti pula dengan pusingan yang kedua mengemukakan satu sentuhan yang memperkatakan perasaan-perasaan dalam hubungan kekerabatan yang amat mendalam di dalam hati manusia, iaitu perasaan yang sentiasa membara di dalam hati dan mendorong mereka ke arah kasih mesra terhadap kaum kerabat mereka hingga melupakan kewajipan mempertahankan perbezaan 'aqidah:

Hubungan Keluarga Tidak Berguna Pada Hari Qiamat

لَن تَنفَعَكُمْ أَرْحَامُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُمْ ۚ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَفْصِلُ بَيْنَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ٣

"Tidak akan berguna kepada kamu kaum kerabat kamu dan tidak pula anak-anak kamu pada hari Qiamat, Allah akan memisahkan di antara kamu (pada hari itu) dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(3)

Seorang Mu'min itu beramal dan mengharapkan balasan di Akhirat. Ia menanam di dunia dan mengharapkan tuaiannya di Akhirat. Dengan menyedarkan hati mereka bahawa hubungan kekeluargaan mereka akan putus di Akhirat, setelah putusnya hubungan 'aqidah di antara mereka, boleh mengurangkan kepentingan hubungan kekeluargaan itu di sisi mereka dalam masa hidup di dunia yang pendek ini, dan mendorong mereka kepada mencari satu hubungan yang kekal yang tidak akan terputus di dunia dan tidak pula di Akhirat. Kerana itu Allah berfirman kepada mereka, **"Tidak akan berguna kepada kamu kaum kerabat kamu dan tidak pula anak-anak kamu"** yang kamu rindui dan cintai sehingga kamu terpaksa membuat hubungan mesra secara sulit dengan musuh-musuh Allah dan musuh-musuh kamu untuk memelihara keselamatan mereka sebagaimana yang telah berlaku kepada Hatib r.a. yang sangat sayangkan anak-anak dan harta bendanya, dan sebagaimana pernah difikirkan oleh orang-orang yang lain darinya terhadap nasib kaum kerabat dan anak-anak mereka yang ditinggalkan di Makkah, sedangkan mereka berada di Madinah Darul-hijrah. Kaum kerabat dan anak-anak kamu itu tidak akan berguna kepada kamu, kerana pada hari Qiamat kelak Allah akan memisahkan di antara kamu dengan mereka, kerana tali hubungan yang mengikat kamu dengan mereka telah terputus. Hanya tali 'aqidah sahaja dan bukannya tali yang lain yang boleh mengikatkan kamu dengan mereka di sisi Allah.

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu" yakni mengetahui segala tindakan yang lahir dan segala niat yang tersembunyi di dalam hati.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

Angkatan Muslimin Merupakan Angkatan Yang Bersinambungan Sejak Nabi Ibrahim a.s. Hingga Ke Nabi Muhammad s.a.w.

Kemudian tiba pula pusingan yang ketiga yang menghubungkan kaum Muslimin dengan umat yang pertama iaitu umat tauhid dan dengan satu angkatan yang sama iaitu angkatan keimananan. Ini bererti bahawa umat dan angkatan ini adalah keimanan. Ini bermakna bahawa umat dan angkatan ini telah wujud sejak zaman berzaman lagi dan mendukung keimanan yang berbeza dan bebas dari segala hubungan yang bertentangan dengan hubungan 'aqidah. Mereka adalah satu umat yang sambung-menyambung sejak Nabi Ibrahim a.s. lagi iaitu moyang mereka yang ulung dan pejuang agama tauhid yang ulung. Beliau merupakan contoh ikutan, bukan sahaja di dalam 'aqidah malah di dalam seluruh pembawaan hidupnya, juga dalam pengalaman-pengalamannya dalam bidang hubungan dengan

kaum kerabat. Beliau dan pengikut-pengikutnya yang beriman telah berjaya membulatkan hati mereka berpegang teguh kepada hubungan 'aqidah sahaja:

قَدۡ كَانَتۡ لَكُمۡ أُسۡوَةٌ حَسَنَةٞ فِيٓ إِبۡرَٰهِيمَ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ
إِذۡ قَالُواْ لِقَوۡمِهِمۡ إِنَّا بُرَءَٰٓؤُاْ مِنكُمۡ وَمِمَّا تَعۡبُدُونَ مِن
دُونِ ٱللَّهِ كَفَرۡنَا بِكُمۡ وَبَدَا بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكُمُ ٱلۡعَدَٰوَةُ وَٱلۡبَغۡضَآءُ
أَبَدًا حَتَّىٰ تُؤۡمِنُواْ بِٱللَّهِ وَحۡدَهُۥٓ إِلَّا قَوۡلَ إِبۡرَٰهِيمَ لِأَبِيهِ
لَأَسۡتَغۡفِرَنَّ لَكَ وَمَآ أَمۡلِكُ لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن شَيۡءٖۖ رَّبَّنَا
عَلَيۡكَ تَوَكَّلۡنَا وَإِلَيۡكَ أَنَبۡنَا وَإِلَيۡكَ ٱلۡمَصِيرُ ٤
رَبَّنَا لَا تَجۡعَلۡنَا فِتۡنَةٗ لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ وَٱغۡفِرۡ لَنَا رَبَّنَآۖ إِنَّكَ
أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ٥
لَقَدۡ كَانَ لَكُمۡ فِيهِمۡ أُسۡوَةٌ حَسَنَةٞ لِّمَن كَانَ يَرۡجُواْ ٱللَّهَ
وَٱلۡيَوۡمَ ٱلۡأٓخِرَۚ وَمَن يَتَوَلَّ فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡغَنِيُّ ٱلۡحَمِيدُ ٦

"Sesungguhnya terdapat contoh teladan yang baik untuk kamu pada Ibrahim dan mereka yang bersama dengannya ketika mereka berkata kepada kaum mereka: Sesungguhnya kami berlepas diri dari kamu dan dari sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah. Kami kafir dengan agama kamu. Dan kini jelaslah wujud permusuhan dan kebencian antara kami dan kamu untuk selama-lamanya sehingga kamu beriman kepada Allah Yang Tunggal, kecuali pada perkataan Ibrahim kepada ayahandanya: Sesungguhnya anakanda akan memohon keampunan untuk ayahanda, kerana anakanda tidak memiliki sebarang kuasa untuk mempertahankan ayahanda dari sesuatu 'azab dari Allah. Wahai Tuhan kami! Kepada-Mu kami berserah dan kepada-Mu kami bertaubat dan kepada-Mu tempat kembali(4). Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran penindasan bagi orang-orang kafir. Ampunkan kami, wahai Tuhan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(5). Sesungguhnya untuk kamu pada mereka terdapat contoh teladan yang baik kepada orang-orang yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat. Dan barang siapa yang berpaling, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(6)

Apabila seorang Muslim merenungkan ayat-ayat ini, dia akan sedar bahawa salasilah keturunannya begitu tua, zaman silamnya begitu lama dan contoh ikutannya bersambung jauh ke zaman purba. Ia berhubung dengan Nabi Ibrahim a.s. bukan sahaja dalam bidang 'aqidah malah dalam semua pengalaman-pengalaman yang telah dialami beliau. Ketika itu dia akan merasa mempunyai stok simpanan pengalaman yang lebih banyak dari stok simpanan peribadinya, malah lebih banyak dari stok simpanan generasinya, di mana dia hidup. Angkatan kaum yang beriman dengan agama Allah yang sambung-menyambung dari zaman purbakala dan bernaung di bawah panji-panji Allah itu telah mengalami pengalaman-pengalaman yang sama seperti yang dialaminya, dan mereka telah pun mengambil keputusan dari pengalaman itu. Jadi, apa yang dialaminya bukanlah sesuatu yang baru dan bukanlah sesuatu taklif yang menyusahkan kaum Mu'minin. Ia mempunyai hubungan dengan satu umat yang amat tua yang mempunyai titik hubungan dengannya dalam bidang 'aqidah dan ia telah memutuskan hubungannya dengan musuh-musuh 'aqidahnya. Ia adalah satu cabang dari satu pokok yang besar yang begitu dalam tunjangan akar umbinya dan begitu banyak dahan-dahannya dengan daun-daun yang begitu lebat dan rimbun. Itulah pokok agung yang ditanam oleh Muslim pertama Nabi Allah Ibrahim a.s.

Nabi Allah Ibrahim a.s. dan pengikut-pengikutnya telah pun melalui pengalaman-pengalaman yang ditempuh oleh kaum Muslimin yang berhijrah ke Madinah, kerana itu pengalaman mereka merupakan contoh teladan yang amat baik:

إِنَّا بُرَءَٰٓؤُاْ مِنكُمۡ وَمِمَّا تَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ كَفَرۡنَا بِكُمۡ
وَبَدَا بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكُمُ ٱلۡعَدَٰوَةُ وَٱلۡبَغۡضَآءُ أَبَدًا حَتَّىٰ تُؤۡمِنُواْ
بِٱللَّهِ وَحۡدَهُۥٓ

"Sesungguhnya kami berlepas diri dari kamu dan dari sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah. Kami kafir dengan agama kamu. Dan kini jelaslah wujudnya permusuhan dan kebencian antara kami dan kamu untuk selama-lamanya sehingga kamu beriman kepada Allah Yang Tunggal."(4)

Itulah keputusan yang memutuskan hubungan dengan kaum mereka, dengan tuhan-tuhan sembahan dan cara ibadat mereka. Itulah keputusan menolak agama mereka dan beriman kepada Allah. Itulah permusuhan dan kebencian yang tidak akan putus sehingga kaum mereka beriman kepada Allah Yang Tunggal. Itulah pemisahan yang tegas yang tidak ada lagi sebarang perhubungan dan pertalian selepas terputusnya hubungan 'aqidah dan keimanan. Itulah keputusan muktamad dalam menghadapi pengalaman yang dilalui oleh setiap Mu'min di dalam mana-mana generasi. Dan keputusan yang telah diambil oleh Nabi Ibrahim a.s. dan pengikut-pengikutnya adalah menjadi contoh teladan yang baik kepada angkatan Muslimin yang datang selepas mereka hingga ke hari Qiamat.

Setengah-setengah orang Islam dapati perbuatan Nabi Ibrahim a.s. yang telah memohon keampunan kepada ayahandanya itu sebagai satu lubang untuk mereka mencurahkan kasih mesra mereka terhadap anggota-anggota keluarga mereka dari kaum Musyrikin, kerana itu Al-Qur'an datang menjelaskan

hakikat pendirian Ibrahim terhadap perkataannya yang mahu memohon keampunan kepada ayahandanya itu. Beliau telah berkata begitu sebelum beliau yakin ayahandanya berdegil untuk berpegang terus dengan agama syiriknya. Kerana itulah beliau berkata begitu dengan harapan ayahandanya beriman, tetapi setelah beliau yakin ayahandanya terus berpegang dengan agama syiriknya beliau pun terus berlepas diri darinya seperti diterangkan ayat:

فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُۥٓ أَنَّهُۥ عَدُوٌّ لِّلَّهِ تَبَرَّأَ مِنْهُ

"Apabila jelaslah kepada Ibrahim bahawa ayahandanya musuh Allah, maka diapun berlepas diri darinya."

(Surah at-Taubah: 114)

Di sini nyatalah bahawa Ibrahim telah menyerahkan segala urusannya kepada Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dengan tawakkal, taubat dan kembali kepada-Nya dalam segala keadaan:

وَمَآ أَمْلِكُ لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۖ رَّبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٤﴾

"Anakanda tidak memiliki sebarang kuasa untuk mempertahankan ayahanda dari sesuatu 'azab dari Allah. Wahai Tuhan kami! Kepada-Mu kami berserah dan kepada-Mu kami bertaubat dan kepada-Mu tempat kembali."(4)

Penyerahan diri kepada Allah secara mutlak itu merupakan petanda iman yang jelas pada Nabi Ibrahim a.s. Ia menonjolkan petanda ini untuk menarik hati anak cucunya kaum Muslimin supaya berpegang dengannya, ini ialah salah satu siri dari siri-siri pendidikan dan bimbingan menerusi kisah dan ulasannya mengikut cara gaya al-Qur'an[2].

Kemudian Al-Qur'an selangi dengan menyebut sambungan do'a Nabi Ibrahim a.s. yang bermunajat kepada Tuhannya:

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَٱغْفِرْ لَنَا رَبَّنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٥﴾

"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran penindasan bagi orang-orang kafir. Ampunkan kami, wahai Tuhan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(5)

Janganlah Engkau jadikan mereka dapat menguasai dan bertindak ganas terhadap kami, kerana ini boleh menjadikan kami sasaran fitnah mereka, kerana mereka boleh berkata: "Jika keimanan itu boleh melindungi orang-orang yang beriman tentulah kita tidak dapat bertindak mengalahkan mereka." Inilah kekeliruan yang banyak menimbulkan keraguan di hati setengah-setengah orang apabila kebatilan dapat menguasai kebenaran dan apabila manusia-manusia yang zalim dapat mengalahkan orang-orang yang beriman dalam mana-mana zaman kerana sesuatu hikmat yang diketahui Allah. Seorang Mu'min sentiasa bersikap sabar dalam menghadapi ujian, tetapi ini tidaklah menghalanginya untuk berdo'a kepada Allah supaya dihindari dari bala yang boleh menjadikannya sasaran penindasan dan kekeliruan yang menimbulkan keraguan di dalam hati.

Do'a Nabi Ibrahim a.s. selanjutnya ialah:

وٱغفِر لنا (*"Ampunkan kami."*)

Istighfar ini diucapkan oleh Ibrahim Khalilur-Rahman kerana beliau sedar tahap ibadatnya kepada Allah yang berhak ke atas dirinya, di samping menyedari kelemahannya sebagai manusia untuk sampai ke tahap ibadat yang seimbang dengan nikmat-nikmat dan limpah kurnia Allah yang dikurniakan kepadanya. Beliau mengagung-agungkan kebesaran dan kemuliaan Allah dan memohon keampunan dari-Nya supaya menjadi contoh teladan kepada pengikut-pengikutnya yang ada bersamanya dan kepada kaum Muslimin yang datang selepasnya.

Kemudian beliau akhiri do'anya, taubatnya dan istighfarnya dengan menyebut sifat-sifat Allah sesuai dengan do'anya itu:

رَبَّنَآ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٥﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(5)

Allah berkuasa melakukan segala-galanya dan Dia Maha Bijaksana dalam segala pentadbiran yang dilaksanakan-Nya.

Kemudian Al-Qur'an mengulangi lagi contoh teladan Nabi Allah Ibrahim serta memberi satu sentuhan baru kepada hati orang-orang Mu'min:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْءَاخِرَ ۚ وَمَن يَتَوَلَّ فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْغَنِىُّ ٱلْحَمِيدُ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya untuk kamu pada mereka terdapat contoh teladan yang baik kepada orang-orang yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat. Dan barang siapa yang berpaling, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(6)

Contoh teladan yang baik pada Nabi Allah Ibrahim dan pengikut-pengikutnya itu memang wujud bagi orang-orang yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat. Merekalah sahaja yang dapat memahami nilai pengalaman yang dialami oleh angkatan Nabi Allah Ibrahim yang mulia itu dan dapat mengambil contoh teladan dari mereka untuk ikutan dan panduan. Oleh itu, barang siapa yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia mengambil contoh teladan dari mereka. Barang siapa yang ingin menolak agama ini, ingin menyimpang dari jalan angkatan Mu'minin dan ingin keluar dari salasilah keturunan Mu'min yang amat tua dan mulia ini, maka Allah tidak perlu apa-apa darinya kerana:

---

[2] *Lihat bab* القصة في القرآن *dalam kitab* التصوير الفني في القرآن

فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْغَنِيُّ ٱلْحَمِيدُ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya Allah itu Maha Kaya dan Maha Terpuji."(6)

Dengan berakhirnya pusingan ini kaum Mu'minin dapat kembali kepada permulaan sejarah mereka yang amat tua, dapat mengenangkan kembali asal-usul mereka di muka bumi ini, dapat mengetahui pengalaman-pengalaman mereka yang tersimpan berabad-abad yang silam, dapat melihat keputusan yang telah diambil mereka yang telah menjalani pengalaman-pengalaman itu dan dapat menemui jalan yang telah siap diratakan sejak dahulu lagi, kerana mereka bukanlah merupakan orang-orang yang pertama melalui jalan itu.

Al-Qur'an berulang-ulang kali menyebut kefahaman ini supaya angkatan kaum Mu'minin tidak putus dan tiada seorang pun dari mereka merasa dagang dan kesepian walaupun dia seorang diri di dalam generasi itu, di samping itu dia tidak merasa apa-apa kesukaran menjunjung taklif yang dijunjung oleh orang-orang yang berjalan bersamanya di jalan Allah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 11)

Kaum Muslimin Digalakkan Menunjuk Sikap Yang Mesra Dan Adil Kepada Orang-orang Bukan Islam Yang Tidak Menindas Mereka

Setelah itu Al-Qur'an kembali melapangkan hati orang-orang Islam. Allah tahu hati mereka penuh dengan keinginan dan cita-cita agar keadaan permusuhan dan persengketaan yang menyusahkan mereka itu hilang, agar musuh-musuh mereka bercantum dengan mereka di bawah panji-panji Islam dan memasuki ke dalam barisan kaum Muslimin. Ini satu-satunya jalan untuk menghapuskan persengketaan itu dan membangunkan hubungan mesra di atas asas yang kukuh. Kemudian Al-Qur'an sekali lagi meringankan kesulitan mereka dengan menggariskan satu dasar agung Islam dalam mengaturkan hubungan antarabangsa di antara umat Muslimin dengan umat yang bukan Muslimin. Menurut dasar ini, pemulauan dan perseteruan hanya dilakukan apabila tercetus keadaan permusuhan dan pencerobohan. Andainya keadaan permusuhan dan pencerobohan itu tidak wujud, maka dasar membuat baik dan berlaku adil hendaklah menjadi amalan:

عَسَى ٱللَّهُ أَن يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ ٱلَّذِينَ عَادَيْتُم مِّنْهُم مَّوَدَّةً ۚ وَٱللَّهُ قَدِيرٌ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾ لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓا۟ إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾ إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ قَٰتَلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ وَظَٰهَرُوا۟ عَلَىٰٓ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوْهُمْ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٩﴾

"Semoga Allah jalinkan hubungan kasih sayang di antara kamu dan orang-orang yang kamu musuhi dari golongan mereka. Dan Allah Maha Kuasa dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(7). Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berlaku adil(8). Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu bersahabat setia dengan orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusirkan kamu keluar dari kampung halaman kamu dan turut membantu untuk mengusir kamu. Dan barang siapa yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka merekalah orang-orang yang zalim."(9)

Islam adalah agama damai dan 'aqidah kasih sayang. Islam adalah satu sistem yang bertujuan untuk menaungi seluruh alam di bawah naungannya, dan untuk menegakkan cara hidupnya. Islam bertujuan mengumpulkan manusia di bawah panji-panji Allah selaku saudara-saudara yang saling mengenali dan menyintai satu sama lain. Tiada suatu yang menghalangi tujuan ini melainkan tindakan pencerobohan yang dilakukan oleh musuh-musuhnya yang mahu menindas perkembangannya dan penduduk-penduduknya. Andainya mereka memperlihatkan sikap yang damai terhadap Islam, maka Islam sama sekali tidak berminat untuk bermusuh dengan mereka. Hatta dalam keadaan permusuhan sekalipun Islam tetap memelihara punca-punca kasih mesra di dalam hati, iaitu memelihara perilaku yang bersih dan layanan yang adil dengan harapan satu hari nanti mereka akan sedar bahawa mereka lebih baik berteduh di bawah panji-panji Islam yang luhur. Islam tidak pernah berputus asa menunggu hari itu di mana jiwa manusia akan berubah menjadi lurus dan menuju ke jalan yang lurus.

Di dalam ayat pertama di bahagian ini terdapat isyarat kepada harapan yang tidak mengenal putus asa itu untuk meringan perasaan setengah golongan Muhajirin dan menyenangkan hati mereka yang sedang menderita kepenatan kerana pemulauan dan peperangan dengan kaum kerabat dan keluarga:

عَسَى ٱللَّهُ أَن يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ ٱلَّذِينَ عَادَيْتُم مِّنْهُم مَّوَدَّةً ۚ

"Semoga Allah jalinkan hubungan kasih sayang di antara kamu dan orang-orang yang kamu musuhi dari golongan mereka."(7)

Harapan ini adalah dari Allah yang bererti harapan ini akan tetap menjadi kenyataan, dan orang-orang Islam yang mendengar harapan ini merasa begitu yakin kepadanya, dan tidak lama selepas turunnya ayat ini negeri Makkah telah ditaklukkan oleh kaum Muslimin, dan orang-orang Quraysy memeluk Islam dan seluruh mereka berdiri di bawah satu panji-panji. Segala lembaran persengketaan dan dendam kesumat telah tertutup dan seluruh mereka menjadi saudara yang saling mesra.

وَٱللَّهُ قَدِيرٌ

"Allah Maha Kuasa."(7)

Dia melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۝٧

"Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(7)

Dia mengampunkan dosa-dosa syirik dan kesalahan-kesalahan yang telah lalu.

Sehingga janji Allah yang terkandung dalam kata-kata harapan itu terlaksana, Allah telah membenarkan orang-orang Islam mengadakan hubungan yang baik dengan orang-orang kafir yang tidak memerangi mereka kerana agama dan tidak mengusir mereka dari kampung halaman mereka. Allah tidak menghalangi orang-orang Islam dari berbuat baik kepada mereka dan berlaku adil dalam hubungan-hubungan dengan mereka dan bersikap tidak mengurangkan hak-hak mereka barang sedikit pun, tetapi Allah melarang keras mereka bermubaya'ah dengan orang-orang kafir yang memerangi mereka kerana agama dan mengusir mereka dari kampung halaman mereka atau turut membantu mengusir mereka. Allah menghukumkan orang-orang Islam yang bermubaya'ah dengan mereka sebagai orang-orang yang zalim.

Dan di antara pengertian kezaliman ialah syirik berdasarkan firman Allah S.W.T:

"Sesungguhnya perbuatan syirik itu suatu kezaliman yang amat besar."

(Surah Luqman: 13)

Ini adalah satu amaran yang menakutkan orang yang beriman yang bimbang termasuk dalam pengertian syirik yang amat digeruni itu.

Dasar melayani orang-orang yang bukan Islam itu merupakan satu dasar yang paling adil yang sesuai dengan tabi'at agama Islam, sesuai dengan pandangannya terhadap hayat insaniyah, malah sesuai dengan pandangan umumnya terhadap alam buana yang lahir dari ciptaan Tuhan Yang Maha Esa dan bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Tunggal, iaitu alam buana yang selaras dengan reka bentuk laduni dan perencanaan azali-Nya di sebalik segala kelainan dan keragaman.[3]

Dasar perhubungan itu merupakan asas undang-undang Islam antarabangsa yang meletakkan hubungan damai di antara orang-orang Islam dengan orang-orang yang bukan Islam sebagai satu keadaan yang tetap, dan keadaan itu tidak boleh diubah melainkan apabila berlaku pencabulan perang yang perlu ditentang atau timbul kebimbangan berlakunya tindakan khianat setelah dimeteraikan perjanjian iaitu dalam bentuk ancaman menyerang atau tindakan menghalangkan kebebasan da'wah dan kebebasan 'aqidah dengan menggunakan kekerasan, kerana tindakan ini juga merupakan suatu pencerobohan. Selain dari perlakuan-perlakuan ini, maka dasar hubungan ialah perdamaian, perhubungan yang baik dan layanan yang adil terhadap semua orang.[4]

Dasar perhubungan ini juga merupakan dasar yang sesuai dengan kefahaman Islam yang menjadikan pokok persoalan di antara orang-orang Islam dan orang-orang yang bukan Islam ialah persoalan 'aqidah Islam itu sahaja, bukannya persoalan-persoalan yang lain. Ia menjadikan nilai yang harus dipertahankan oleh orang-orang Islam ialah persoalan 'aqidah Islam itu sahaja. Tiada persoalan lain yang harus menimbulkan pertikaian dan peperangan di antara orang-orang Islam dan orang-orang yang bukan Islam melainkan persoalan kebebasan da'wah, kebebasan 'aqidah, persoalan pelaksanaan agama Allah di bumi dan persoalan meninggikan kalimat Allah.

Arahan ini sesuai dengan aliran keseluruhan surah ini yang bertujuan menonjolkan nilai 'aqidah dan menjadikannya satu-satunya panji-panji yang berdiri di bawahnya seluruh umat Muslimin. Siapa sahaja yang berdiri bersama mereka di bawah panji-panji itu, maka dia termasuk dalam golongan mereka dan siapa sahaja yang memerangi mereka kerana berdiri di bawah panji-panji itu, maka dia musuh mereka. Siapa sahaja yang bersikap damai dengan mereka, iaitu tidak mengganggu 'aqidah dan da'wah mereka, dan tidak menghalangi orang lain mendengar da'wah mereka, juga tidak menindas orang-orang yang beriman kepada da'wah mereka, maka dia dianggap seorang yang damai yang tidak dilarangkan Islam berbuat baik dan berlaku adil kepadanya.

Seorang Muslim yang hidup di bumi ini adalah untuk 'aqidahnya. 'Aqidah inilah yang menjadi satu-satu persoalan dengan dirinya dan dengan orang lain di sekelilingnya. Dia tidak bermusuh kerana sesuatu kepentingan, dia tidak berperang kerana persoalan perkauman, kebangsaan, kenegerian, kekeluargaan atau keturunan. Kerana satu-satunya jihad ialah jihad untuk meninggikan kalimat Allah dan jihad untuk menjadikan'aqidah Allah satu sistem hidup yang dipraktikkan di dalam kehidupan.

---

[3] *Lihat buku* طبيعة السلام في الإسلام *bab* السلام العالمي والإسلام!

[4] *Sumber yang sama dalam bab* سلام العالم.

Selepas itu turun pula Surah at-Taubah yang menyebut:

بَرَآءَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

"Inilah perisytiharan pemutusan hubungan dari Allah dan Rasul-Nya yang dituju kepada orang-orang Musyrikin yang telah kamu meteraikan perjanjian dengan mereka......"

(Surah at-Taubah: 1)

Dengan perisytiharan ini tamatlah keadaan hubungan perjanjian dan hubungan perdamaian di antara orang-orang Islam dengan kaum Musyrikin seluruhnya setelah diberi tempoh selama empat bulan kepada pihak-pihak yang mengadakan perjanjian dengan orang-orang Islam tanpa menentukan had masanya dan diberi tempoh sehingga tamat had masa perjanjian kepada pihak yang mengadakan perjanjian yang ditentukan had masanya. Perisytiharan ini dibuat setelah menempuh pengalaman-pengalaman yang membuktikan bahawa kaum Musyrikin tidak mematuhi perjanjian-perjanjian mereka dengan orang-orang Islam. Mereka hanya menunggu-nunggu peluang untuk mengoyakkannya apabila mereka mendapat keuntungan. Tindakan ini sesuai dengan satu dasar yang lain:

وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوْمٍ خِيَانَةً فَٱنۢبِذْ إِلَيْهِمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْخَآئِنِينَ ﴿٥٨﴾

"Dan jika kamu bimbang sesuatu pengkhianatan dari satu kaum yang kafir, maka kembalikanlah perjanjian itu kepada mereka dengan saksama. Sesungguhnya Allah tidak sukakan pengkhianat-pengkhianat."

(Surah al-Anfal: 58)

Peraturan ini merupakan satu keperluan untuk mengamankan tapak pertumbuhan Islam - yang pada masa itu ialah seluruh wilayah Semenanjung Tanah Arab - dari segala musuh yang menunggu peluang untuk menyerang kaum Muslimin. Mereka terdiri dari kaum Musyrikin dan kaum Ahli-Kitab yang hidup bersama kaum Muslimin. Mereka telah berulang-ulang kali mengkhianati perjanjian-perjanjian mereka. Perbuatan itu merupakan suatu pencabulan yang tepat dengan peruntukan undang-undang "keadaan pencabulan", lebih-lebih lagi pada masa itu dua empayar Parsi dan Rom yang melingkungi negara Islam mulai mengemblengkan kekuatan mereka untuk menghadapi Islam dan mulai merasa bahayanya. Kedua-dua empayar ini telah menghasut negeri-negeri Arab yang bersempadan dengan dua empayar itu dan tunduk kepada penjajahan mereka supaya menentang Islam. Oleh itu, satu tindakan tegas adalah perlu untuk membersihkan khemah Islam dari saki-baki musuhnya sebelum terlibat dalam pertempuran-pertempuran luar yang diduga akan berlaku pada masa itu.

Cukuplah sekadar ini, dan marilah kita kembali kepada nas-nas surah mengenai hukum wanita-wanita Mu'minat yang berhijrah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا جَآءَكُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتُ مُهَٰجِرَٰتٍ فَٱمْتَحِنُوهُنَّ ٱللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَٰنِهِنَّ فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَٰتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى ٱلْكُفَّارِ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ وَءَاتُوهُم مَّآ أَنفَقُوا۟ وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَن تَنكِحُوهُنَّ إِذَآ ءَاتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُوا۟ بِعِصَمِ ٱلْكَوَافِرِ وَسْـَٔلُوا۟ مَآ أَنفَقْتُمْ وَلْيَسْـَٔلُوا۟ مَآ أَنفَقُوا۟ ذَٰلِكُمْ حُكْمُ ٱللَّهِ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila datang kepada kamu wanita-wanita Mu'minat yang berhijrah (dari Makkah), maka ujilah mereka. Allah lebih mengetahui kebenaran keimanan mereka. Dan jika kamu mengetahui mereka beriman, maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada suami-suami mereka yang kafir, kerana mereka tidak halal kepada suami mereka dan suami mereka tidak halal kepada mereka. Dan bayarkanlah kepada suami mereka maskahwin yang telah mereka belanjakannya, dan tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu berkahwin dengan mereka jika kamu mem-bayar kepada mereka maskahwin mereka. Dan janganlah kamu terus berpegang dengan tali perkahwinan dengan wanita-wanita yang kafir dan tuntutlah maskahwin yang telah kamu belanjakannya itu dan biarlah mereka tuntut maskahwin yang mereka telah belanjakannya, itulah hukum Allah yang Dia tetapkan di antara kamu, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(10). Dan jika seorang dari isteri-isteri kamu lari ke pihak orang-orang kafir kemudian kamu kalahkan mereka (dengan peperangan dan mendapat harta rampasan perang), maka hendaklah kamu bayar (dengan harta itu) kepada orang-orang (Islam) yang hilang (lari) isteri-isteri itu sebanyak maskahwin yang telah dibelanjakan kepada mereka. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya."(11)

Prosedur Ujian Terhadap Wanita-wanita Yang Berhijrah

Menurut riwayat, sebab turunnya hukum-hukum ini ialah selepas dimeteraikan Perjanjian Hudaybiyah yang berbunyi, "Dengan syarat tiada seorang pun dari orang kami yang datang kepada engkau walaupun ia memeluk agama engkau melainkan hendaklah engkau pulangkannya kepada kami." Ketika Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam yang ada bersamanya berada di hilir Hudaybiyah, tiba-tiba sekumpulan wanita Mu'minat datang menemuinya. Mereka memohon untuk berhijrah ke negeri Islam di Madinah, tetapi orang-orang Quraysy datang meminta supaya wanita-wanita itu dipulangkan ke

pihak mereka berdasarkan kehendak perjanjian. Nampaknya peruntukan mengenai kaum wanita dalam perjanjian itu tidak begitu jelas, kerana itu diturunkan dua ayat ini melarang wanita-wanita yang berhijrah itu dipulangkan ke pihak orang-orang kafir memandang mereka golongan yang lemah supaya keimanan mereka tidak digugatkan.

Turunnya hukum-hukum untuk menangani hubungan antarabangsa adalah ditegakkan di atas prinsip yang paling adil untuk memelihara keadilan itu sendiri tanpa terpengaruh kepada tindak-tanduk pihak yang satu lagi, yang tidak adil dan zalim. Ini berdasarkan cara Islam dalam segala hubungannya baik hubungan dalam negeri mahupun hubungan antarabangsa.

Prosedur pertama yang diambil ialah menguji wanita-wanita yang berhijrah untuk mempastikan sebab hijrah mereka yang sebenar. Motif hijrah itu hendaklah bukan kerana melarikan diri dari perkahwinan yang tidak disukainya, bukan kerana mencari sesuatu faedah dan bukan kerana mengejar cinta kepada seorang lelaki yang berada di negara Islam (Madinah).

Ujar Ibn 'Abbas r.a: Beliau menguji wanita-wanita itu: "Demi Allah saya tidak keluar berhijrah kerana bencikan suami. Demi Allah saya tidak keluar berhijrah kerana tidak suka tinggal di kampungnya dan ingin mencari tempat yang lain. Demi Allah saya tidak keluar berhijrah kerana mencari kepentingan dunia dan demi Allah saya tidak keluar berhijrah melainkan kerana cintakan Allah dan Rasul-Nya."

Ujar 'Ikrimah pula wanita-wanita itu dikatakan kepadanya: "Anda tidak datang berhijrah melainkan kerana kasih kepada Allah dan Rasul-Nya. Anda tidak datang berhijrah kerana cinta seorang lelaki kami dan bukan pula kerana lari dari suami anda."

Inilah ujian yang dilakukan terhadap mereka. Beliau berpegang kepada keadaan mereka yang lahir dan kepada ikrar mereka yang bersumpah dengan nama Allah sahaja, sedangkan rahsia-rahsia mereka yang sebenar yang terpendam di dalam hati mereka adalah dipulangkan kepada Allah. Manusia tidak mungkin menembusi ke dalam dada mereka:

ٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِإِيمَٰنِهِنَّۖ

"Allah lebih mengetahui kebenaran keimanan mereka."(10)

Andainya mereka telah membuat ikrar yang seperti itu,

فَلَا تَرۡجِعُوهُنَّ إِلَى ٱلۡكُفَّارِۖ لَا هُنَّ حِلّٞ لَّهُمۡ وَلَا هُمۡ يَحِلُّونَ لَهُنَّۖ

"Maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada suami-suami mereka yang kafir, kerana mereka tidak halal kepada suami mereka, dan suami mereka tidak halal kepada mereka."(10)

Hubungan utama iaitu hubungan 'aqidah telah terputus di antara mereka, kerana itu tiada lagi satu hubungan yang lain yang dapat menyambungkan hubungan yang terputus itu. Kehidupan suami isteri merupakan suatu kehidupan sebati, padu dan mantap, dan ia tidak mungkin berdiri tegak apabila putusnya hubungan asasi itu, sedangkan keimanan pula merupakan tiang seri kehidupan hati dan tiada satu sentimen yang lain yang dapat menggantikan tiang seri itu. Apabila sebuah hati itu kosong dari iman, maka tiada hati Mu'min yang dapat berhubung mesra dengannya dan dapat mencari ketenangan di sampingnya. Perkahwinan itu adalah dijalinkan dengan kasih sayang, kemesraan dan ketenangan.

Di permulaan Hijrah keadaan ini ditinggalkan begitu sahaja tanpa ditentukan oleh sesuatu nas. Di waktu itu isteri yang Mu'min tidak dipisahkan dari suami yang kafir dan suami yang Mu'min tidak dipisahkan dari isteri yang kafir, kerana masyarakat Islam ketika itu belum lagi berdiri di atas tapak-tapaknya yang teguh, tetapi setelah dimeteraikan Perjanjian Hudaybiyah atau selepas penaklukan Makkah, mengikut anggapan kebanyakan rawi, maka tibalah masanya untuk dilaksanakan pengasingan yang sempurna (di antara suami dan isteri Mu'minin dengan suami isteri Muslimin) supaya jelaslah di dalam hati orang-orang Mu'min, sama ada lelaki atau perempuan, sebagaimana jelasnya di dalam kehidupan mereka di alam kenyataan bahawa tiada hubungan yang mengikat mereka melainkan hubungan iman dan 'aqidah dan tiada pertalian melainkan di antara orang-orang yang mempunyai pertalian dengan Allah.

Prosedur pengasingan itu disertakan pula dengan prosedur membayar pampasan berdasarkan lunas keadilan dan persamaan, iaitu melakukan pembayaran balik kepada suami yang kafir nilai maskahwin yang telah dibelanjakannya kepada isterinya yang Mu'min yang telah berpisah dengannya sebagai pampasan atas kerugian yang dialaminya, sebagai-mana dibayar balik kepada suami Mu'min nilai maskahwin yang telah dibelanjakannya kepada isterinya yang kafir yang telah dibebaskannya dari tali perkahwinan dengannya.

Selepas itu barulah halal bagi lelaki Mu'min berkahwin dengan perempuan-perempuan Mu'minat yang berhijrah itu apabila mereka membayar mohor yang terhak kepada mereka. Walau bagaimanapun di sana terdapat perbezaan faham dari segi fiqhiyah, adakah wanita-wanita seperti itu beriddah atau tidak beriddah kecuali wanita-wanita yang hamil sahaja yang beriddah sehingga mereka bersalin? Andainya mereka beriddah, maka adakah iddah mereka ialah iddah wanita-wanita yang ditalaq iaitu sebanyak tiga quru' atau hanya iddah untuk memastikan kesucian rahim iaitu dengan sekali haid sahaja?

وَءَاتُوهُم مَّآ أَنفَقُواْۚ وَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ أَن تَنكِحُوهُنَّ إِذَآ

ءَاتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُوا۟ بِعِصَمِ ٱلْكَوَافِرِ وَسْـَٔلُوا۟ مَآ أَنفَقْتُمْ

"Dan bayarkanlah kepada suami mereka maskahwin yang telah mereka belanjakannya, dan tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu berkahwin dengan mereka jika kamu membayar kepada mereka maskahwin mereka. Dan janganlah kamu terus berpegang dengan tali perkahwinan dengan wanita-wanita yang kafir dan tuntutlah maskahwin yang telah kamu belanjakannya."(10)

Kemudian Al-Qur'an mengikatkan semua hukum-hukum itu dengan jaminan yang besar di dalam hati orang-orang Mu'min, iaitu jaminan pengawasan Allah dan takut kepada-Nya:

ذَٰلِكُمْ حُكْمُ ٱللَّهِ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

"Itulah hukum Allah yang Dia tetapkan di antara kamu dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(10)

Itulah satu-satunya jaminan untuk menghindari segala tindakan pengingkaran, penyelewengan dan tipu helah, kerana hukum Ilahi itu adalah hukum Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana, hukum Allah yang melihat segala rahsia yang terpendam di dalam dada, hukum Allah Yang Maha Gagah dan Maha Kuasa. Cukuplah bagi seseorang Mu'min menyedari hubungan ini dan menginsafi sumber hukum-hukum itu untuk bertindak dengan jujur mematuhinya dengan keyakinan bahawa dia tetap akan pulang kepada Allah.

Apabila suami-suami yang Mu'min tidak dapat mengambil balik bayaran maskahwin yang telah dibelanjakannya kerana isteri-isterinya yang kafir, atau keluarga mereka enggan membayar balik maskahwin suami yang Mu'min sebagaimana telah berlaku kepada setengah-setengah suami, maka pemerintah (al-Imam) akan membayar pampasan kepada mereka dari harta orang-orang kafir yang beristerikan perempuan-perempuan yang telah berhijrah itu, iaitu harta-harta yang terhak kepada isteri-isteri mereka yang berada di negeri Islam (Madinah), atau pemerintah akan membayar gantirugi kepada mereka dari kumpulan harta rampasan perang yang jatuh ke tangan orang-orang Islam:

وَإِن فَاتَكُمْ شَىْءٌ مِّنْ أَزْوَٰجِكُمْ إِلَى ٱلْكُفَّارِ فَعَاقَبْتُمْ فَـَٔاتُوا۟ ٱلَّذِينَ ذَهَبَتْ أَزْوَٰجُهُم مِّثْلَ مَآ أَنفَقُوا۟ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِىٓ أَنتُم بِهِۦ مُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

"Dan jika seorang dari isteri-isteri kamu lari ke pihak orang-orang kafir kemudian kamu kalahkan mereka (dengan peperangan dan mendapat harta rampasan perang), maka hendaklah kamu bayar (dengan harta itu) kepada orang-orang (Islam) yang hilang (lari) isteri-isteri itu sebanyak maskahwin yang telah dibelanjakan kepada mereka. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya."(11)

Kemudian Al-Qur'an sekali lagi mengikatkan pelaksanaan hukum ini dengan jaminan:

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِىٓ أَنتُم بِهِۦ مُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

"Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya."(11)

Ini merupakan satu sentuhan untuk mengingatkan orang-orang Mu'minin kepada Allah yang memberi kesan yang mendalam dalam hati mereka.

Demikianlah hukum-hukum pengasingan di antara suami isteri Mu'min dengan suami isteri yang kafir dilaksanakan dalam kehidupan. Ia merupakan satu pelaksanaan yang jelas terhadap dasar Islam mengenai nilai-nilai hidup dan hubungan-hubungannya, mengenai perpaduan dan Islam dan perbezaannya yang unik dari barisan-barisan yang lain, mengenai penegakan seluruh aspek kehidupan di atas asas 'aqidah dan mengikatkan seluruhnya pada paksi keimanan, dan seterusnya mengenai dasar pembangunan sebuah alam insaniyah, di mana leburnya segala perbezaan-perbezaan bangsa, warna, bahasa, keturunan dan negeri. Hanya satu sahaja tanda atau lencana yang membezakan di antara manusia iaitu lencana kumpulan yang mereka masuki, dan di sana hanya ada dua kumpulan sahaja iaitu Hizbullah dan Hizbusy-syaitan.

******

(Pentafsiran ayat 12)

Garis Panduan Mengadakan Mubaya'ah Dengan Wanita-wanita Mu'minat

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan kepada Rasulullah s.a.w. bagaimana dan di atas asas-asas apakah hendak diadakan mubaya'ah untuk beriman dengan wanita-wanita yang berhijrah itu dan dengan lain-lain wanita yang hendak memeluk Islam:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ إِذَا جَآءَكَ ٱلْمُؤْمِنَـٰتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰٓ أَن لَّا يُشْرِكْنَ بِٱللَّهِ شَيْـًٔا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَـٰدَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَـٰنٍ يَفْتَرِينَهُۥ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِينَكَ فِى مَعْرُوفٍ فَبَايِعْهُنَّ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُنَّ ٱللَّهَ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

"Wahai Nabi! Jika wanita-wanita Mu'minat datang kepadamu untuk bermubaya'ah denganmu bahawa mereka tidak akan mempersekutukan Allah dengan sesuatu apa pun, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anak mereka dan tidak akan membuat dusta yang sengaja mereka ada-adakan di antara tangan dan

kaki mereka, dan tidak akan melanggar perintahmu dalam perkara-perkara yang baik, maka hendaklah engkau bermubaya'ah dengan mereka dan pohonlah keampunan kepada mereka, sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(12)

Asas-asas mubaya'ah ini merupakan asas-asas terpenting 'aqidah dan asas-asas kehidupan masyarakat yang baru, iaitu asas menafikan segala bentuk syirik terhadap Allah, asas tidak melanggar batas-batas Allah iaitu melakukan perbuatan mencuri, berzina dan membunuh anak. Ini merupakan isyarat kepada perbuatan menanam anak perempuan hidup-hidup di dalam zaman jahiliyah, ia juga termasuk perbuatan membunuh bayi dalam kandungan kerana sebab-sebab yang tertentu, sedangkan mereka pemegang amanah terhadap anak yang dikandung mereka.

وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَٰنٍ يَفْتَرِينَهُۥ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ

"Dan tidak akan membuat dusta yang sengaja mereka ada-adakan di antara tangan dan kaki mereka."(12)

Ujar Ibn 'Abbas, "Janganlah mereka menghubungkan anak orang lain kepada suami mereka." Demikianlah juga pandangan Muqatil. Mungkin peringatan hemat selepas diadakan upacara mengangkat baya'ah dengan wanita-wanita ini disebabkan adanya kes-kes yang berlaku di zaman jahiliyah di mana seorang wanita menyerahkan dirinya kepada beberapa orang lelaki, dan apabila dia melahirkan anak, maka dia akan melihat siapakah di antara lelaki itu yang mempunyai rupa paras yang mirip dengan anak yang dilahirkan itu. Kadang-kadang dia memilih lelaki yang paling tampan di antara mereka, lalu dia hubungkan si anak itu kepadanya, sedangkan dia tahu siapakah bapanya yang sebenar.

Tetapi ungkapan itu begitu umum, ia meliputi kes-kes tadi, juga kes-kes lain yang ada kaitan dengan pembohongan dan pemalsuan yang diada-adakan. Mungkin juga ibn 'Abbas dan Muqatil mengkhususkannya dengan kes itu ialah kerana adanya satu kes yang berlaku pada masa itu.

Dan syarat mubaya'ah yang akhir ialah:

وَلَا يَعْصِينَكَ فِي مَعْرُوفٍ

"Dan tidak akan melanggar perintah-Mu dalam perkara-perkara yang baik."(12)

Ini termasuk janji mematuhi perintah-perintah Rasulullah s.a.w. yang disuruh oleh beliau, kerana beliau tidak menyuruh melainkan untuk kebaikan. Tetapi syarat ini juga merupakan salah satu dasar perlembagaan dalam Islam yang menetapkan bahawa seseorang rakyat tidak wajib ta'at kepada pemerintah melainkan dalam perkara-perkara yang baik, yang sesuai dengan agama dan syari'at Allah. Keta'atan kepada pemerintah bukanlah merupakan suatu keta'atan yang mutlak di dalam segala perintah yang dikeluarkannya. Dasar inilah yang menjadikan kekuatan undang-undang dan perintah kerajaan itu adalah diambil dari syari'at Allah, bukannya dari kemahuan pemerintah atau dari kehendak rakyat itu sendiri apabila undang-undang itu bertentangan dengan syari'at Allah. Pemerintah dan rakyat adalah kedua-duanya pasti dihukum dengan syari'at Allah dan dari syari'at inilah diambil segala kuasa.

Apabila wanita-wanita itu sanggup bermubaya'ah mematuhi lunas-lunas umum ini, maka mubaya'ah mereka diterima dan Rasulullah s.a.w. akan memohoh keampunan atas dosa-dosa mereka yang telah lalu. **"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."** Allah bersedia untuk memberi keampunan, rahmat dan mema'afkan kesalahan.

******

Surah ini diakhiri dengan satu kenyataan umum:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَوَلَّوْا۟ قَوْمًا غَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ قَدْ يَئِسُوا۟ مِنَ ٱلْءَاخِرَةِ كَمَا يَئِسَ ٱلْكُفَّارُ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلْقُبُورِ ﴿١٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bersahabat setia dengan kaum yang telah dimurkai Allah. Sesungguhnya mereka telah berputus asa terhadap hari Akhirat sebagaimana orang-orang kafir yang telah berada di dalam kubur itu berputus asa."(13)

Ayat ini menyeru orang-orang yang beriman dengan nama keimanan dan dengan sifat Mu'min yang membezakan mereka dari kaum-kaum yang lain, kerana sifat ini menghubungkan mereka dengan Allah dan memisahkan mereka dari musuh-musuh Allah.

Menurut setengah-setengah riwayat, yang dimaksudkan di sini dengan kaum yang telah dimurkai Allah itu ialah kaum Yahudi. Ini berdasarkan kerana mereka pernah dicapkan dengan sifat itu pada ayat-ayat Al-Qur'an yang lain. Tetapi ini tidak menghalangkan keumuman nas ini supaya termasuk sama kaum Yahudi dan kaum Musyrikin yang disebutkan di dalam surah ini, juga termasuk seluruh musuh Allah, kerana seluruh mereka itu dimurkai Allah dan seluruh mereka putus harapan dengan Akhirat. Mereka tidak mengharapkan apa-apa di Akhirat dan tidak pula membuat apa-apa perhitungan dengannya. Mereka samalah seperti putusnya harapan orang-orang kafir yang telah mati dan menjadi penghuni kubur, kerana dalam anggapan mereka segala sesuatu mengenai diri mereka, telah selesai dengan kematian itu, mereka tidak akan dibangkitkan kembali dan tidak akan dihisabkan lagi.

Seruan ayat ini merupakan satu seruan yang terkumpul padanya semua kenyataan-kenyataan surah dan arah tujuannya, dan dengan seruan inilah diakhiri surah ini sebagaimana ia dimulakan dengan seruan yang sama agar seruan ini merupakan paluan yang akhir yang meninggalkan gema-gemanya di dalam hati.

******